

# Naib Canselor Unisel dipecat

## Pakatan Rakyat di Selangor tamatkan khidmat Mohd Razali tanpa alasan munasabah

BH 28/6/08 NLS 8

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

**S**HAH ALAM: Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor sekali lagi bertindak memecat kakitangan kerajaan negeri tanpa alasan dan kali ini Naib Canselor Universiti Industri Selangor (Unisel), Prof Datuk Dr Mohd Razali Agus, menjadi mangsa.

Mohd Razali, 52, menerima notis ditamatkan perkhidmatan itu daripada Menteri Besar selaku Pengerusi Pendidikan Industri Yayasan Selangor Sdn Bhd (PIYSB), Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, kira-kira jam 4 petang semalam.

Beliau yang belum disahkan jawatan Naib Canselor Unisel walaupun sudah memegang jawatan itu selama 11 bulan diarah mengosongkan jawatan itu berkuat kuasa 31 Julai ini.

**“**Saya sudah memberi khidmat yang terbaik untuk memartabatkan Unisel. Saya kecewa dan terkejut”

**Mohd Razali Agus**  
Bekas Naib Canselor Unisel

Bagaimanapun, bekas Timbalan Naib Canselor Universiti Malaya (UM) itu diarah bercuti bermula semalam sehingga tamat tempoh perkhidmatannya dan akan menerima gaji penuh.

“Saya sudah memberi khidmat yang terbaik untuk memartabatkan Unisel. Saya kecewa dan terkejut (dengan tindakan ini). Saya juga masih mengkaji kemungkinan membuat rayuan kepada kerajaan negeri,” katanya pada sidang media khas di Kompleks Belia dan Sukan di sini, semalam.

Mohd Razali enggan menjawab soalan apabila ditanya sama ada tindakan itu bermotif politik tetapi beberapa laporan di internet mendakwa beliau dipecat kerana Mohd Razali penyokong kuat Umno dan pernah menjadi pengerusi Pemantau Institut Pengajian Tinggi Awam (Ipta) pada pilihan raya kecil Ijok.

“Saya perlu kaji. Saya belum ada pandangan mengenai perkara ini,” katanya ringkas ketika ditanya adakah tindakan itu bermotifkan politik.

Mohd Razali juga hanya menjawab tiada komen apabila ditanya mengenai laporan di internet yang mendakwa beliau sudah menulis surat kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan mengadu tidak selesai berkhidmat di bawah kerajaan Pakatan Rakyat.



**KECEWA:** Mohd Razali mengadakan sidang media mengenai pemecatannya daripada jawatan Naib Canselor Unisel di Shah Alam, semalam.

Bagaimanapun, laporan laman berita portal, *Selangor Today* itu mendakwa surat yang ditulis Mohd Razali itu sudah sampai ke Pejabat Menteri Besar dan Exco kerajaan negeri.

Sebelum ini, kerajaan negeri mengambil tindakan sama apabila menamatkan kontrak Pengarah Lembaga Muzium Selangor, Maimunah Mohd Said, 60, lebih awal lima bulan berkuat kuasa 9 Jun lalu.

Sementara itu, Abdul Khalid dalam reaksinya terhadap dakwaan Mohd Razali itu, berkata Naib Canselor Unisel itu tidak dipecat sebaliknya perkhidmatannya tidak disambung kerana prestasi kerjanya yang tidak memuaskan.

Beliau berkata, Lembaga Pengarah Unisel membuat keputusan tidak menyambung perkhidmatan Mohd Razali bukannya memecat beliau se-

perti yang didakwa Mohd Razali pada sidang akhbar sebelum itu.

“Beliau sudah diberi tempoh percubaan selama enam bulan. Selepas itu, pihak pengurusan sebelum ini (kerajaan Barisan Nasional) tidak puas hati dengan prestasi kerja beliau dan membuat keputusan menyambung tempoh percubaan enam bulan lagi yang akan tamat 31 Julai ini,” katanya.